

SACRIFICE 316

Pengorbanan Yang Hidup

"Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar. Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna." Roma 12:1-2

Pengorbanan anda. Dorongan untuk mempersembahkan tubuh anda sebagai "korban yang hidup dan kudus" sering disalahfahami. Namun, hal ini adalah sangat penting bagi menunjukkan anda cara yang betul untuk menjadi lebih daripada sekadar seorang Penganut Yesus Kristus. Ayat satu mencabar setiap orang yang percaya untuk membuat korban khas kepada Tuhan *selepas* penyelamatan. Ayat dua memberikan arahan untuk kehidupan *selepas* pengorbanan itu. Tunduk kepada Tuhan setiap hari sebagai sebahagian daripada memikul salib anda, Lukas 9:23. Namun, itu bukanlah tujuan Roma 12:1. Perintahnya untuk "mempersembahkan tubuh badanmu" adalah untuk mengambil tindakan pengabdian, penyerahan diri, dan penyerahan penuh, *sekali dan selamanya* kepada Tuhan. Ia bukanlah penyelamatan. Keselamatan berdasarkan sepenuhnya pada pengorbanan Kristus. Ini berbeza. Ini adalah pengorbanan anda. Ia bukanlah pengorbanan setiap hari. Ia adalah menyerahkan hidup anda tanpa syarat dan selama-lamanya kepada Tuhan sebagai korban yang hidup, suci dan diterima. Ia adalah pemberian sukarela anda kepada Tuhan demi kemuliaan-Nya dan kegunaan-Nya tanpa batasan.

Mengapa melakukan pengorbanan ini? Kerana belas kasihan-Nya. Roma bab 1-11 menjelaskan belas kasihan Tuhan. Roma 12:1 memberitahu apa yang Tuhan mahu anda lakukan kerana belas kasihan itu. Roma 12:2 memberikan dua dorongan untuk kehidupan *selepas* pengorbanan anda. Belas kasihan Tuhan yang besar dalam menyelamatkan dan menguduskan anda telah diterangkan dalam sebelas bab yang pertama. Oleh itu, persembahkanlah dirimu kepada Tuhan. Dia akan memberkati anda dalam kehidupan ini dan dalam keabadian. Namun, motivasi yang sesuai untuk pengorbanan anda tidak ada di hadapan anda. Ia ada di belakang anda. Motivasi anda yang sesuai adalah berdasarkan apa yang telah Tuhan lakukan. Bayangkan Yesus mengangkat tangan-Nya yang berparut kepada anda dan berkata, "Setelah semua yang Kulakukan untukmu, lakukanlah ini untuk Ku." Itulah maksud Roma 12:1.

Mengapa pengorbanan sekali sahaja? Kerana itulah maksud perkataan-perkataan dalam Roma 12:1-2. Kata kerja dalam "janganlah ikut" dan "berubahlah" dalam 12:2 adalah kata kerja masa kini. Ini bermaksud lakukan dua perkara itu sekarang dan terus melakukannya sepanjang hidup anda. Namun, kata kerja dalam "mempersembahkan tubuh badanmu" dalam 12:1 bukanlah kata kerja masa kini dalam bahasa Yunani. Dalam bahasa Yunani, ia bermaksud perbuatan tunggal. Ia tidak bermaksud terus melakukannya. Ia bermaksud lakukan sekali untuk selamanya. Ia adalah pengabdian diri anda secara muktamad kepada Tuhan. Persembahkan diri anda sebagai korban kepada-Nya. Roma 12:1 adalah tentang pengorbanan anda. Ia adalah tentang anda meletakkan diri anda secara kekal di atas mezbah Tuhan.

Dua ilustrasi. Ulangan 15:12-17 memberikan ilustrasi untuk ini. Seorang hamba Ibrani yang telah dibebaskan boleh membuat keputusan *secara sukarela* dan *selama-lamanya* untuk perhambakan semula dirinya kepada tuannya. Pilihan itu adalah berdasarkan belas kasihan yang pernah ditunjukkan oleh tuannya. Ia didorong oleh kasih hamba itu terhadap tuannya. Ia adalah kekal. Penusuk digunakan untuk menebuk telinga hamba untuk menunjukkan bahawa dia adalah hamba tuannya seumur hidup. Perhambaan ini adalah pilihan hamba itu. Ia tidak dipaksakan. Ia adalah keputusan yang kekal. Satu lagi ilustrasi terdapat dalam korban haiwan Perjanjian Lama. Haiwan itu haruslah dapat diterima untuk diletakkan di atas mezbah. Haiwan yang berpenyakit atau cacat tidak dapat diterima, Imamat 1-5. Ia memberikan ilustrasi tentang bahagian suci dan diterima dalam korban Roma 12:1 anda. Haiwan yang dikorbankan memberikan ilustrasi akan pengorbanan yang kekal. Tiada haiwan korban yang merangkak turun dari mezbah apabila mezbah mula menjadi panas. Tidak ada imam yang membawa haiwan itu kembali pada penghujung hari untuk dipersembahkan pada hari yang lain. Ia adalah pengorbanan yang kekal. Jika anda mengambil semula korban Roma 12:1 anda dari mezbah ketika ia menjadi panas, ia sebenarnya tidak pernah menjadi korban Roma 12:1.

Mengulangi pengorbanan anda. Adakah anda perlu mengulangi korban Roma 12:1 anda? Ya, jika korban anda tidak diterima. Sebuah korban Roma 12:1 haruslah hidup, suci dan diterima. Anda hidup kerana, setelah percaya kepada Kristus, anda *"telah terlepas daripada kematian dan mendapat hidup sebenar."* Yohanes 5:24. (AVB) Menjadi korban suci adalah tanggungjawab anda. Haiwan di dalam Perjanjian Lama haruslah layak diterima untuk dikorbankan. Tidak mungkin ada haiwan yang sempurna. Tetapi ia mestilah tanpa penyakit, sihat dan tidak bercacat cela. Ini menggambarkan dua perkara untuk korban Roma 12:1. Pertama, korban anda haruslah bebas daripada penyakit. Penyakit dosa dan pemisahan dari Tuhan haruslah disembuhkan melalui keselamatan. Sebab itulah Roma 12:1 ditulis hanya untuk orang percaya (ditunjukkan oleh perkataan "saudara-saudara" dalam ayat itu). Korban seseorang yang tidak percaya tidak diterima kerana ia harus dipersembahkan *selepas* penyelamatan dan bukanlah *sebelum* penyelamatan. Anda harus datang kepada Yesus terlebih dahulu sebelum anda dapat mengikuti-Nya. Untuk kepastian akan keselamatan anda, layarilah www.Gospel316.org. Bahagian yang merujuk kepada kesucian menunjukkan tahap kebersihan rohani yang layak diterima dalam kehidupan orang percaya. Hanya dengan demikian korban Roma 12:1 anda dapat diterima oleh Tuhan. *"Dengan demikian, jika seseorang membersihkan dirinya daripada kecemaran, dia akan menjadi bekas untuk kegunaan mulia, berguna kepada Tuannya, dan bersedia untuk melakukan kerja yang baik."* 2 Timotius 2:21. Anda tidak dapat menjadi sempurna. Namun, anda dapat mempersembahkan diri anda pada tahap kesihatan rohani dan kesucian yang mencukupi. Setelah korban anda yang hidup dan suci diterima oleh Tuhan, anda tidak perlu mempersembahkannya lagi. Namun, jika korban anda tidak diterima oleh Tuhan kerana ia bersifat sementara atau kerana ia tidak suci, maka ia perlu diulangi. Persembahkan diri anda sebagai korban yang kekal, hidup dan suci. Perhambakan diri anda kepada Tuhan secara sukarela dan selama-lamanya. Jangan lakukan ini dengan sikap bersahaja. Ia adalah keputusan yang serius setelah anda mendapat penyelamatan. Setelah korban anda diterima, teruslah maju ke kehidupan Roma 12:2 yang tidak mengikut cara dunia dan yang telah diubahkan, sebagai seorang pengikut Yesus Kristus yang benar. Selepas semua yang Dia telah lakukan untuk anda, lakukanlah ini untuk-Nya!

Kehidupan selepas pengorbanan anda. *"Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna."* Roma 12:2. Ayat ini memberikan dorongan untuk hidup selepas pengorbanan Roma 12:1 anda. Dorongan-dorongan tersebut berbentuk kata kerja masa kini yang bermaksud teruslah tidak mengikut cara dunia dan teruslah diubahkan oleh pembaharuan minda anda yang berterusan. Jangan mengikut cara dunia, janganlah akur kepada perbuatan-perbuatan berdosa dunia ini. Jangan biarkan dunia membentuk diri anda sebagai orang percaya. Roma 12:2 menasihati anda untuk *"berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu."* Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai *berubah* adalah perkataan sama yang digunakan mengenai Yesus dalam Matius 17:2 dan Markus 9:2 di mana ia menyatakan bahawa Dia *berubah rupa*. Roma 12:2 ialah dorongan untuk berubah rupa oleh pembaharuan (pengubahsuaian, perubahan sepenuhnya ke arah yang lebih baik) minda anda. Metamorfosis itu (lebih luar biasa daripada ulat bulu menjadi rama-rama) dicapai ketika anda belajar dan menjiwai Firman Tuhan. Persembahkan pengorbanan Roma 12:1 anda. Jangan izinkan diri anda dibentuk mengikut acuan dunia. Berubah rupalah ketika anda mempelajari dan menjiwai Firman Tuhan. Maka anda akan dapat mengetahui dan melaksanakan kehendak Tuhan.

***"Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna."* Roma 12:2**

A Living Sacrifice (Pengorbanan Yang Hidup) © 2026 oleh John D. Morris III diterbitkan oleh Acts One Eight. Anda bebas mencetak, menyalin, menyiarkan, menghantar e-mel atau mesej kandungan ini tanpa sebarang perubahan dengan menyertakan pernyataan penuh ini. Anda boleh menyertakan nama atau logo pelayan atau gereja anda di bahagian atas muka surat satu dan menyertakan maklumat hubungan di atas garisan di bahagian bawah muka surat dua. *Sacrifice316* adalah berdasarkan Alkitab sahaja. Ia wujud untuk membantu orang bertumbuh secara rohani lebih dari sekadar menjadi orang yang percaya kepada Yesus. Anda boleh menghantar e-mel kepada Acts One Eight (sebaiknya dalam bahasa Inggeris) di: Hello@Mail316.org. Perkhidmatan terjemahan disediakan oleh www.ChristianLingua.com. *A Living Sacrifice (Pengorbanan Yang Hidup)* boleh didapati dalam 48 bahasa secara percuma di www.Sacrifice316.org. Petikan-petikan dalam versi Bahasa Inggeris adalah daripada Alkitab New American Standard Bible 1995 oleh The Lockman Foundation. Petikan-petikan Alkitab dalam terjemahan ini adalah daripada: Alkitab Versi Borneo AVBTM. Hak cipta terpelihara © 2024 Borneo Sabda Limited.